

## **Rakan Niaga dan Pihak Berkepentingan yang Dihormati,**

Perniagaan kami dibina di atas hubungan erat dan mampan antara kami dengan pelanggan, rakan usaha sama, peniaga, pembekal, kontraktor dan pihak berkepentingan lain yang bercirikan semangat hormat-menghormati dan amanah antara satu sama lain. Bagi memupuk dan mengekalkan hubungan ini, kami melayani semua orang dengan adil, professional, jujur dan berintegriti. Interaksi antara perseorangan ialah ciri umum perniagaan yang kebanyakan kita masih tidak begitu jelas tentang amalan sogokan dan rasuah dengan semangat muhibah, kelaziman dan tingkah laku boleh terima.

Warisan TC Holdings Berhad dan kumpulan syarikatnya (“Kumpulan WTCH”) tidak akan bertolak ansur dengan apa-apa bentuk sogokan dan rasuah. Untuk rujukan dan bacaan, sila layari pautan [Polisi Anti Sogokan dan Rasuah](#) dan [Kenyataan Anti Sogokan dan Rasuah](#) kami. Kumpulan WTCH menggalakkan budaya “Bersuara” di kalangan kakitangan, pihak berkepentingan dan orang ramai. Sekiranya anda menemui atau mengetahui sebarang kelakuan tidak wajar (misalnya penipuan, penyelewengan, salah laku dan sebarang amalan ketidakpatuhan) yang disyaki berlaku, sila hubungi kami di [Hubungi Kami – Polisi Aduan Khas \(Pemberi Maklumat\), Borang dan Orang yang Dihubungi](#).

Anda dijemput untuk mengambil bahagian dalam sesi **Pembelajaran Anti Sogokan dan Rasuah Atas Talian**, Kumpulan WTCH bagi kami berkongsi maklumat Anti Sogokan dan Rasuah yang lebih dengan anda, termasuk Seksyen 17A dan bahagian lain yang berkaitan dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan Prinsip Prosedur yang Mencukupi. Matlamat utama Pembelajaran Atas Talian ini adalah untuk memupuk persefahaman bersama dalam mengekalkan tadbir urus yang baik, integriti dan akauntabiliti; serta memastikan interaksi perniagaan kami dijalankan secara professional dalam batas-batas undang-undang.

**Pembelajaran Atas Talian** ini boleh didapati dalam talian dan boleh diakses di [sini](#)

Sila cuba **Kuiz** ini untuk menyemak pemahaman anda di [sini](#)

Kami amat menghargai masa dan kerjasama yang diberikan untuk melengkapkan latihan ini mengikut rentak anda sendiri dan menyerahkan [Borang Ikrar Deklarasi](#) setelah tamat latihan selewat-lewatnya pada **31 Disember 2022 (Sabtu)**.

Sekiranya anda memerlukan penjelasan atau maklumat yang lebih lanjut, sila hubungi kami di [wtch.gio@warisantc.com](mailto:wtch.gio@warisantc.com)

Sekian, terima kasih.

Yang Ikhlas,  
**Pegawai Integriti Kumpulan WTCH**

## Warisan TC Holdings Berhad dan Kumpulan Syarikatnya (“Kumpulan WTCH”)



WARISAN TC HOLDINGS BERHAD  
[Registration No. 199701009338 (424834-W)]

### TRAVEL & CAR RENTAL

- Gocar Mobility Sdn Bhd
- Mayflower Car Rental Sdn Bhd
- Mayflower Holidays Sdn Bhd
- Mayflower-My 2nd Home (MM2H) Sdn Bhd
- Mayflower Corporate Travel Services Sdn Bhd
- Discovery Tours (Sabah) Sdn Bhd
- M A T Tours & Travel (Cambodia) Pte Ltd
- MAT Transportation Solution (Myanmar) Company Limited
- Mayflower Online Sdn Bhd
- Mayflower Saha Travel (Thailand) Co., Ltd

### MACHINERY

- TCIM Sdn Bhd
- Jentrakel Sdn Bhd

### AUTOMOTIVE

- Angka-Tan Motor Sdn Bhd
- Kereta Komersil Seladang (M) Sdn Bhd
- MUV Marketplace Sdn Bhd
- WTC Automotif (M) Sdn Bhd

### OTHERS

- Warisan Captive Incorporated
- Warisan TC Management Services Sdn Bhd
- Tan Chong Apparels Manufacturer Sdn Bhd
- MUV Solutions Sdn Bhd